



Nestlé Good food, Good life



Siaran Akhbar

Gua Musang, 17 Februari 2022

Nestlé Malaysia Lancarkan Program NESCAFÉ Grown Respectfully di Kelantan

Ganding bahu dengan KESEDAR untuk perluas penanaman kopi lestari

GUA MUSANG, 17 Februari 2022 – Sejarar dengan matlamat Nestlé Malaysia untuk menghidupkan semula aktiviti penanaman kopi tempatan, Syarikat makanan dan minuman yang terkemuka ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) untuk meluaskan program *NESCAFÉ Grown Respectfully* ke Gua Musang, Kelantan. Ini merupakan negeri ketiga di Malaysia bagi program *NESCAFÉ Grown Respectfully* termasuk tapak program yang sedia ada di Gerik dan Kuala Kangsar, Perak dan juga Sik, Kedah. Langkah perluasan inisiatif penanaman kopi lestari ini juga mengukuhkan komitmen berterusan Nestlé Malaysia untuk menyokong komuniti perladangan tempatan dan meningkatkan taraf hidup mereka, sambil mengamalkan amalan pertanian mampan, terutamanya pertanian regeneratif.

Kerjasama tersebut termasuk peruntukan kawasan seluas 60 hektar di Gua Musang oleh KESEDAR bagi tujuan penanaman kopi di bawah program *NESCAFÉ Grown Respectfully*. Ini termasuk pembukaan tapak semaian pokok induk seluas 2.5 ekar dan ladang demo seluas 10 ekar. Dengan menggunakan lapan klon pokok kopi Robusta bermutu tinggi yang diperolehi daripada program *NESCAFÉ Grown Respectfully* di Kedah, Nestlé akan membekalkan 200 anak benih bagi ladang demo dan 800 anak benih bagi tapak semaian pokok induk. Pokok-pokok induk tersebut pula akan digunakan sebagai sumber bahan penanaman yang boleh diperbaharui bagi program ini di Gua Musang.

Menerusi kerjasama ini, *NESCAFÉ Grown Respectfully* akan menyokong peladang KESEDAR sepanjang proses penanaman kopi dengan memberikan sokongan teknikal serta latihan dan perkongsian ilmu. Ini akan membolehkan para peladang mendapatkan hasil tanaman yang baik, sambil melindungi ekosistem dan memastikan aktiviti pertanian mereka dapat diteruskan dalam jangka masa panjang.

Dengan sasaran penanaman pokok kopi akan siap menjelang 2025 dan perluasan berterusan aktiviti tersebut di Kedah, Nestlé Malaysia berhasrat untuk menghasilkan kira-kira 1,000 tan biji kopi hijau menjelang akhir dekad ini. Ini sekali gus akan menghasilkan bekalan biji kopi hijau yang memenuhi keperluan kualiti ketat Nestlé untuk diperolehi NESCAFÉ daripada KESEDAR.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad berkata, "Antara ancaman terbesar akibat perubahan iklim ialah kesannya terhadap rantaian bekalan makanan dan keselamatan makanan. Salah satu daripada penyelesaian utama bagi masalah ini adalah meningkatkan biodiversiti dan ketersediaan tanaman tempatan serta amalan pertanian mampan seperti pertanian regeneratif."

"Nestlé Malaysia telah bekerjasama dengan para peladang tempatan sejak 1985 menerusi program-program *Farmer Connect* dengan tumpuan terhadap peladang cili dan padi, serta kopi sejak 2019. Menerusi kerjasama dengan KESEDAR, kami akan terus berusaha untuk menghidupkan semula sektor perladangan kopi dan mengharumkan nama Malaysia dalam sektor ini di seluruh dunia. Usaha kami juga berjalan seiring dengan Pelan Nescafé 2030 global Nestlé, yang bertujuan menjadikan penanaman kopi lebih lestari dan membantu peladang kopi untuk beralih kepada pertanian regeneratif."

"Nestlé Malaysia ingin membina asas yang kukuh bagi penanaman kopi di Kelantan dengan KESEDAR, bagi membekalkan bahan penanaman yang dihasilkan menerusi *NESCAFÉ Grown Respectfully* kepada para peladang kecil. Dengan cara ini, *NESCAFÉ Grown Respectfully* akan dapat meningkatkan taraf hidup komuniti peladang tempatan dengan menawarkan peluang untuk mempelbagaikan tanaman, lantas mengukuhkan

daya tahan mereka. Dengan ekosistem perladangan tempatan yang pelbagai, Nestlé Malaysia akan menyumbang kepada keselamatan makanan Malaysia sambil mengurangkan jejak karbon bagi operasi syarikat.”

“Malah, kami mungkin akan mengeluarkan **Nescafé Kopi Kelaté** apabila pokok-pokok ini telah menghasilkan biji kopi yang pertama!” rumus Aranols.

Turut hadir di Majlis Tandatanganan MoU, Dr. Shahrir bin Mohammad Zakey, Pengurus Besar, KESEDAR menambah, “Besarnya hati kami berganding bahu dengan Nestlé Malaysia untuk membawakan program *NESCAFÉ Grown Respectfully* ke Kelantan buat kali pertama. Dengan ilmu dan kepakaran Nestlé, kami yakin bahawa penubuhan ladang kopi di Gua Musang akan memberi sumbangan positif kepada pembangunan ekonomi dan sosial Kelantan Selatan.”

Dilancarkan buat kali pertama di Malaysia pada 2019, program *NESCAFÉ Grown Respectfully* telah melibatkan lebih daripada 200 peladang tempatan dan mengumpulkan lebih daripada 270,000 anak benih kopi untuk ditanam di tanah seluas kira-kira 150 ekar di Kedah dan Perak. Setakat ini, sejumlah 145 tan kopi hijau tempatan telah dituai dan digunakan untuk menghasilkan NESCAFÉ Classic Kopi Kedah, iaitu produk NESCAFÉ pertama syarikat yang dihasilkan menggunakan 100% biji kopi tempatan.

###

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456
+6012-235 6865

E-mel: shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com

Farah Iman atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348
+60 12 334 1841 (Farah Iman) atau
+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mel: acorncommunications@acornco.com.my